

24 JUN 2003

Mahathir-Labur/I

LABUR SEKARANG BAGI PULANGAN LEBIH BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta individu dan institusi supaya melabur dalam pasaran saham sekarang kerana ianya merupakan masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Semasa menjawab soalan di persidangan Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata pelabur yang cekap akan melabur apabila harga saham rendah.

Meskipun penanda aras Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini dalam aliran meningkat, naik daripada 630 mata kepada 680 mata, beliau berkata saham-saham masih "di bawah harga".

Beliau berkata mereka yang melabur sekarang ini akan menyebabkan harga saham naik dan mendatangkan keuntungan modal, bukan hanya kerana pelaburan mereka tetapi juga kerana iklim pelaburan semasa yang juga baik.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) mengenai individu serta institusi swasta dan awam yang mempunyai dana yang banyak tetapi tidak aktif dalam merangsangkan ekonomi negara.

Semasa sidang media kemudiannya, Dr Mahathir mengulangi bahawa sekarang ini merupakan masa yang sesuai untuk melabur memandangkan harga saham di bawah nilai apabila dibandingkan dengan aset syarikat dan prestasi kewangan.

Tidak seperti syarikat-syarikat dotcom yang hanya merupakan "idea tanpa aset" dan yang harga asalnya boleh meningkat 30 hingga 40 kali, beliau berkata mereka ini (syarikat-syarikat yang akan dilaburkan) merupakan syarikat yang baik.

"Meskipun mereka menghadapi sedikit masalah, mereka akan dapat pulih dengan segera," kata perdana menteri.

Sebelum itu, kepada soalan tambahan mengenai pemotongan kadar faedah yang dibangkitkan oleh Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menggunakan kadar faedah bagi merangsangkan ekonomi memandangkan kadar faedah semasa kini memang rendah.

"Kadar faedah semasa kini telah cukup selesa," kata beliau. "Tidak seperti Amerika Syarikat, dasar kerajaan Malaysia ialah tidak terlalu ghairah dengan kadar faedah."

"Sebagai contoh tahun ini, AS telah menurunkan kadar faedahnya sebanyak empat kali tetapi kesannya sedikit sahaja kepada ekonominya," kata Dr Mahathir.

Bagi Malaysia, beliau berkata pemotongan kadar faedah baru-baru ini telah memberi beberapa kesan terhadap ekonomi kerana ia dilaksanakan bersama-sama pakej rangsangan.

Dalam pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan kerajaan bulan lepas, kadar faedah dikurangkan sebanyak 0.5 peratus.

-- BERNAMA

SHO TJK FR NHD PR